

TERMA DAN SYARAT

PERTANDINGAN BABYMERANGKAK RACE SIMPAN SSPN 2022

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022 adalah salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan *Baby Merangkak Race Simpan SSPN 2022* ini merupakan pertandingan yang disertai secara berkumpulan dengan melibatkan 5 kumpulan (1 kumpulan terdiri daripada 10 bayi). Pertandingan ini terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu
 - i) Kategori 1 : Baby merangkak berumur 8 -12 bulan
 - ii) Kategori 2 : Kategori Khas Baby Merangkak WOW!

TEMPOH PERTANDINGAN

3. Pertandingan ini akan diadakan pada **2 Oktober 2022 (Ahad)**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

KELAYAKAN PENYERTAAN

5. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.
6. Bayi berusia **8 hingga 12 bulan yang masih merangkak**.
7. Peserta perlu **mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka dengan deposit minimum RM20.00 atau membuat penambahan simpanan minimum RM20.00** untuk mendapatkan **satu (1) penyertaan** di dalam tempoh pertandingan.
8. Tema pertandingan adalah berkonsepkan '**Tema Superhero**'.
9. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua pelanggan PTPTN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

KAEDAH PENJURIAN BABY MERANGKAK RACE

10. Peserta akan dibahagikan kepada lima (5) kumpulan (1 kumpulan terdiri daripada 10 bayi).
11. **Dua (2)** bayi terpanas dari setiap kumpulan akan dibawa ke peringkat separuh akhir.

12. **Sepuluh (10) bayi** yang layak ke separuh akhir akan bertanding untuk menjadi **lima (5)** yang terpuat bagi bersaing di peringkat akhir.
13. **Lima (5) bayi** yang layak ke peringkat akhir akan bertanding untuk pemilihan kedudukan Juara, Naib Juara, tempat Ketiga dan 2 saguhati.
14. Pemenang akan dipilih berdasarkan kepantasan masa.
15. Bagi pemenang **Kategori Khas Baby Merangkak WOW!** akan dinilai oleh pihak juri profesional.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
<i>Baby Merangkak Race: Pertama</i>	Tunai bernilai RM250
<i>Baby Merangkak Race: Kedua</i>	Tunai bernilai RM150
<i>Baby Merangkak Race: Ketiga</i>	Tunai bernilai RM100
<i>Baby Merangkak Race: Saguhati</i>	Tunai bernilai RM50 x 2

PEMENANG	HADIAH
Kategori Khas Baby Merangkak WOW!	Tunai bernilai RM200

16. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
17. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
18. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

19. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
20. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
21. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
22. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
23. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
24. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
25. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
26. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Pertandingan **Baby Merangkak Race Simpan SSPN 2022***

Maklumat dikemaskini pada 23 September 2022